

Headline **Elak krisis bekalan darah**  
Date **16 Aug 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **N8**  
Article Size **237 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,304**  
PRValue **3,911**



# Elak krisis bekalan darah

## Pastikan bekalan mencukupi sepanjang musim perayaan

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan meminta orang ramai terus menderma darah bagi memastikan bekalan di Pusat Darah Negara (PDN) sentiasa mencukupi terutamanya sepanjang musim perayaan ini.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, walaupun terdapat peningkatan penderma darah setiap tahun, kementerian berharap bilangan itu terus bertambah kerana keperluan darah adalah sentiasa kritikal.

Beliau berkata, sejumlah 565,604 unit darah didermakan di PDN dan tabung darah di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 73 peratus atau 413,046 orang adalah daripada penderma ulangan manakala baki sebanyak 152,568 orang adalah penderma baru.

"Sepanjang tahun lalu, kita menyediakan 1,326,456 komponen darah di mana 744,566 unit digunakan untuk kegunaan pesakit, manakala selebihnya dihantar ke Australia," katanya semasa berucap merasmikan kempen menderma darah anjuran Pejabat Penyelaras Parlimen Selangang di Capital Square, semalam.

Tiong Lai berkata, masih ramai rakyat yang belum menjadikan pendermaan darah sebagai cara hidup mereka.

"Amalan menderma darah bukan saja dapat dimanfaatkan masyarakat, malah



● Tiong Lai (tengah) bermesra dengan penderma darah selepas merasmikan Kempen Derma Darah di Capital Square, semalam.

penderma sendiri berpeluang mendapat maklumat tentang amalan hidup sihat untuk menjamin kebersihan darah serta status kesihatan," katanya.

Beliau berharap orang ramai dapat menerap amalan pendermaan darah sebagai cara hidup sihat dan memberi jaminan proses pendermaan darah dilakukan dengan tahap kebersihan dan keselamatan tinggi.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya memastikan mereka me-

ngamal cara hidup sihat sebelum mendaftar sebagai penderma darah untuk mengelak darah tercemar dengan penyakit seperti HIV, Hepatitis B, Hepatitis C dan sifilis.

Dalam perkembangan yang lain, beliau berkata, angka kematian akibat wabak denggi untuk tempoh Januari sehingga 14 Ogos meningkat 28 kes kepada 95 kematian, berbanding 67 kematian dalam tempoh sama tahun lalu.

- Bernama